



**ANALISIS ENṢAKAI MEYPPĀṬU (LUAHAN
RASA) DALAM ANTOLOGI CERPEN
NAMA SAYA SELVI**

NAGOOR BHANU BINTI MOHAMED HASSAN



**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



ANALISIS ENṢAKAI MEYPPĀṬU (LUAHAN RASA) DALAM ANTOLOGI
CERPEN NAMA SAYA SELVI

NAGOOR BHANU BINTI MOHAMED HASSAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

UPSWPS-3/BO 32
Print : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁰ (hari bulan)⁰² (bulan) 20²².....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NAGOOR BHANU BINTI MOHAMED HASSAN (M20142002350) FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS ENVAKAI MEYPPĀTU (LUAHAN RASA) DALAM ANTOLOGI CERPEN NAMA SAYA SELVI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MANONMANI DEVI A/P M.A.R ANNAMALAI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS ENVAKAI MEYPPĀTU (LUAHAN RASA) DALAM ANTOLOGI CERPEN NAMA SAYA SELVI

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10/02/2022

Tarikh


Tandatangan Penyelia

Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai
Penyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak

UPSWIPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS ENYAKAI MEYPPATU (LUAHAN RASA)
DALAM ANTOLOGI CERPEN NAMA SAYA SELVI

No. Matrik / Matric's No.: M20142002350

Saya / I: NAGOOR BHANU BINTI MOHAMED HASSAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.


TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 10.02.2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Dr. Manonmani Devi A/P M. A. R. Annamalai
Penyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

காலத்தினாற் செய்த நன்றி சிறிதெனினும்
ஞாலத்தின் மாணப் பெரிது (குறள் :102)

Kālattinār Ceyta Nanri Ciriteninum
Ñālattin Māṇap Peritu (Kural : 102)

Sebarang bentuk bantuan, sumbangan atau nikmat yang dihulurkan pada saat yang diperlukan, walaupun sedikit atau kecil saiznya, namun nilainya lebih besar daripada dunia ini. Dengan kata-kata yang bernilai *Tiruvalluvar* itu, saya memulakan ucapan penghargaan saya kepada setiap insan yang menjadi tulang belakang kepada kajian ini. Saya amat bersyukur kepada Tuhan di atas rahmat dan petunjuknya kajian ini dapat disemurnakan. Sukacitanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia saya, Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai yang telah membimbing saya dengan penuh dedikasi sepanjang saya menjalankan kajian.

Saya juga mengenang budi insan-insan yang telah membantu saya dalam pengumpulan data, Cik Sagundhala A/P Arokiam Encik G. Manivannan A/L Govindasamy, Puan Kalaiyarasi A/P Paradia, Puan Ponnei A/L Kannan dan Puan Saraswathy. Saya ingin merakamkan rasa terhutang budi kepada suami saya Encik Nizarali bin Md. Ismail, yang sentiasa menitipkan doa-doa demi saya dicucuri keberkatan.

Sebelum menutup bicara, saya sentiasa menghargai sumbangan setiap insan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan kajian ini. Semoga dengan segala hidayat Tuhan kajian ini akan menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada para pengkaji yang akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti Teori Rasa *Eṇvakai Meippāṭu* dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi dengan meneliti situasi-situasi dan menghuraikan impaknya terhadap penyampaian mesej. Kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis dokumen serta Teori Rasa *Eṇvakai Meippāṭu* yang dipelopori oleh Tolkāppiyar telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antologi cerpen yang dihasilkan mengandungi unsur-unsur Teori Rasa *Eṇvakai Meippāṭu*. Situasi-situasi yang terdapat dalam antologi cerpen membuktikan penggunaan teori ini melalui watak-watak cerpen tersebut. Di samping itu, impak Teori Rasa *Eṇvakai Meippāṭu* melalui situasi-situasi turut membantu terhadap penyampaian mesej dalam antologi cerpen pilihan ini oleh pengarang. Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan teori *Eṇvakai Meippāṭu* telah mempunyai signifikasi yang penting dalam kejayaan sesebuah cerpen dalam menyampaikan mesej-mesej yang penting kepada para pembaca. Implikasinya, kajian ini akan membuka minda para penulis baharu yang lebih mementingkan konsep realiti daripada nilai estetika dalam karya sastera.





THEORY OF FEELING ENṼAKAI MEYPPĀṬU IN THE SHORT ANTOLOGY OF MY NAME SELVI: A STUDY

ABSTRACT

This research aims to identify the theory of *Envakai Meippatu* essence in an anthology of ‘*Nama Saya Selvi*’ stories by examining the usage of essence that it applies as well as describing its impact on the delivery of messages in the said stories’ anthology. Qualitative methods such as the Library Method and Document Analysis of *Envakai Meippatu* essence theory which was pioneered by *Tolkappiyar* were used in this research. This anthology of the stories ‘*Nama Saya Selvi*’ which was compiled by the *Maleciyat Tamil Eluttalar Cankam* (Malaysian Tamil Writers Association) and was used as the pre-eminent source of this research. The findings of the research concluded that the anthology of the story does cover the theory of *Envakai Meippāṭu*. The circumstances and state of affairs of the anthology prove the uses of this theory through the characters rolled out in the story. In addition, the anthology and essence of *Envakai Meippatu*’s theory impacted the story through its perimeters and also helped to relate the message of the author. In conclusion, this research has shown that the use of *Envakai Meippatu* theory has had significant success for the story in conveying important messages to the readers. The implication of the research would open the minds of new writers who are concerned with the concept of reality that denies the aesthetic value in literary works.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
TRANSLITERASI	xiii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Perkembangan Cerpen	4
1.2.2 Perkembangan Cerpen Tamil	5
1.2.3 Perkembangan Cerpen di Malaysia	6
1.2.4. Malēciyat Tamil Eḷuttāḷar Caṅkam	10
1.2.5. Tolkāppiyam	11
1.2.6 Meyppāṭṭiyal	12





1.3	Pernyataan Masalah	13
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Persoalan Kajian	15
1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Batasan Kajian	19
1.8	Sumber Kajian	21
1.9	Definisi Operasional	21
1.10	Kesimpulan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Kajian-kajian Lepas	27
2.3	Kesimpulan	36

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka bentuk Kajian	38
3.3	Kaedah Kajian	41
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	42
3.5	Kaedah Analisis Teks	45
3.6	Teori Kajian	46
3.7.	Teori Enṽakai meypṽātu	47
3.8	Kesimpulan	56

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	57
-----	------------	----



4.2	Mengenal Pasti Envagai Meyppatu dan Meneliti Situasi-situasi Yang Menggunakan Teori Rasa Enṽakai Meyppāṭu dalam Antologi Cerpen Nama Saya Selvi	58
4.2.1	Rasa Tawa (Nagai)	59
4.2.1.1	Elḷal (Ejek)	60
4.2.1.2	Iḷamai (Ketidakmatangan)	70
4.2.1.3	Pēṭamai (Perbuatan yang tidak disedari)	70
4.2.1.4	Maṭaṇ (Kebodohan diri sendiri)	72
4.2.2	Aḷukai (Tangisan)	76
4.2.2.1	Iḷivu (Kehinaan)	77
4.2.2.2	Kehilangan kawan/saudara	81
4.2.2.3	Acaivu (Ketidakupayaan diri)	87
4.2.2.4	Varūmai (kemiskinan)	91
4.2.3	Iḷivaral	93
4.2.3.1	Mūppu (ketuaan)	93
4.2.3.2	Piṇi (Berpenyakit)	95
4.2.3.3	Varuttam (Kesedihan)	96
4.2.3.4	Menmai (kesederhanaan/ketidakmampuan)	100
4.2.4	Marudkai (kagum/hairan)	104
4.2.4.1	Putumai (Keanehan)	105
4.2.4.2	Perumai (Takjub)	106
4.2.4.3	Ciṛumai (Kehalusan)	108

4.2.4.4 Ākkam (Evolusi/ Pembaharuan)	108
4.2.5 Accam (Takut)	110
4.2.5.1 Aṇaṇku (Makhluk Halus)	111
4.2.5.2 Vilaṇku (Binatang)	113
4.2.5.3 Kaḷvar (Perompak)	114
4.2.5.4 Iṛrai (Pihak atasan atau Tuhan)	115
4.2.6 Perumitham	118
4.2.6.1 Kalvi (Ilmu)	121
4.2.6.2. Taṛukaṇ (Keberanian)	122
4.2.6.3 Icaimai (Kemashyuran)	124
4.2.6.4. Koṭai	124
4.2.7. Vekuḷi (Marah)	125
4.2.7.1 Uṛupparai (Penderaan fizikal)	127
4.2.7.2 Kuṭikōḷ (Keturunan / Rakyat)	127
4.2.7.3 Alai (Hukuman)	128
4.2.7.4 Kolai (Pembunuhan)	129
4.2.8 Uvakai (Gembira)	131
4.2.8.1 Celvam (Kekayaan)	131
4.2.8.2. Pulaṇ (Kebijaksanaan)	132
4.2.8.3 Puṇarvu (Persetubuhan/ percintaan)	133
4.2.8.4. Viḷaiyāṭṭu (Permainan)	134
4.3. Menghuraikan Impak Rasa Eṇvakai Meyppāṭu	145



Terhadap Penyampaian Mesej Dalam Antologi Cerpen
Nama Saya Selvi

4.3.1. Tañkak kūñṭil tāmarai malar	149
4.3.2. Nērruvarai eñ vīṭu	151
4.3.3. Nama saya Chelvi	153
4.3.4. Anta mañitar	154
4.3.5. Marittatu mañita nēyamā illa	155
4.3.6. Varuvārañ varuvār	157
4.3.7. Pukai	158
4.3.8. Vāñattil ēra paṭikaḷā illai...?	159
4.3.9. Vekkamā irukkum'mā	160
4.3.10. Appāvukkuk kalyāṇam	161
4.3.11. Nalla maṇam vālka	162
4.3.12. Vālum kālattil	163
4.3.13. Taricaṇam	164
4.3.14. Uñmītu ñāpakam	165
4.3.15. Makiḷcci	166
4.3.16. Kettuvā kampōñ muṇucāmi	167



4.3.17. Marupakkam	168
4.3.18. Vet̃i vēlā	168
4.3.19. L Vaḷarmati	169
4.4 Unsur-unsur Pengajaran yang Diterapkan melalui Antologi Cerpen Nama Saya Selvi	172
4.5 Kesimpulan	197
BAB 5 KESIMPULAN	
5.1 Pendahuluan	199
5.2 Perbincangan dapatan kajian	200
5.3 Cadangan	206
5.4 Kesimpulan	208
RUJUKAN	209



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Tajuk Koleksi Cerpen	19
1.2	Senarai unsur dan situasi (punca) Meyppātu	23
3.1	Unsur-unsur Meyppāṭiyal	49
4.1	Meyppātu Nagai Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	76
4.2	Meyppātu Alūkai Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	93
4.3	Meyppātu Ilīvaral Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	104
4.4	Meyppātu Marudkai Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	110
4.5	Meyppātu Accam Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	118
4.6	Meyppātu Perumitham Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	126
4.7	Meyppātu Vekuḷi i Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	131
4.8	Meyppātu Uvakai Mengikut Puncanya Dalam Setiap Cerpen	136
4.9	Senarai teori rasa Eṇvakai meyppātu dan Situasi-situasi	137



4.10	Rumusan Teori Rasa Envakai Meyppatu.	149
4.11	Senarai Cerpen dan Mesej yang Disampaikan Cerpen dalam Antologi cerpen <i>Nama Saya Selvi</i>	172
4.12	Senaraikan Pengajaran yang Diterapkan dalam Antologi	199
5.1	Unsur-unsur Meyppāṭṭiyal, Punca-punca dan Bilangan	203

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	41
3.2 Aliran Metodologi Kajian	45
3.3 Kerangka Teori	56



TRANSLITERASI

NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACTRICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	<i>A</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>Ai</i>
ஆ	:	<i>Ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஒ	:	<i>O</i>
இ	:	<i>I</i>	எ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>Ō</i>
ஈ	:	<i>Ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஔ	:	<i>Au</i>

CONSONANTS

க	:	<i>K</i>	ங்	:	<i>ṅ</i>	ய்	:	<i>Y</i>
ச	:	<i>C</i>	ஞ்	:	<i>ñ</i>	ர்	:	<i>R</i>
ட்	:	<i>ṭ</i>	ண்	:	<i>ṇ</i>	ல்	:	<i>L</i>
த்	:	<i>T</i>	ந்	:	<i>n</i>	வ்	:	<i>V</i>
ப்	:	<i>P</i>	ம்	:	<i>m</i>	ழ்	:	<i>ḷ</i>
ற்	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>ṇ</i>	ள்	:	<i>ḷ</i>

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ṣ</i>	க்ஷ்	:	<i>kṣ</i>
ஹ்	:	<i>h</i>			





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan pengenalan kepada kajian yang bertajuk analisis *enṣvakai meypṣāṭu* (luahan rasa) dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi yang diterbitkan oleh Malaysia Tamil Eluttalar Sangam pada tahun 2017. Kajian ini merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, sumber kajian, definisi operasional dan rumusan. Melalui bab ini, rangka luaran kajian ini akan dapat diteliti.





Dunia yang dilahirkan dalam penulisan fiksi sebenarnya sebuah representasi atau boleh jadi juga dunia ilustrasi yakni dunia yang ditampilkan semula oleh pengarangnya menurut pertimbangan tertentu, pengalaman peribadi, pemahamannya tentang sasaran, kecenderungannya dan situasi di khalayaknya. Sehubungan dengan itu, pengarang seringkali membuat pemilihan watak, peristiwa, dialog, aksi atau pengakhiran cerita untuk menyampaikan pemikirannya supaya senang dibaca dan difahami oleh pembaca cerpen kerana pengarang memiliki gaya tersendiri yang sering menjadi perhatian ramai.



Cerpen sebagai suatu ragam kesusasteraan di tanah air kita, memiliki sejarahnya yang tersendiri mempunyai hayat yang semakin panjang, mantap dan matang. Cerpen kini merupakan suatu genre prosa baru yang semakin popular, disenangi dan diminati oleh kalangan penulis/pengarangnya, pengkaji/sarjana, pengkritik dan peminat/ khalak pembacanya (Othman Putih, 2001)

Seorang pengarang akan melakarkan pandangan dunia masing-masing melalui peristiwa-peristiwa dalam karya yang dihasilkan. Watak-watak khayalan yang diwujudkan dalam ceritanya merupakan hiburan dan ruang untuk kita untuk menjenguk sudut pandangan penulis tersebut. Boleh dikatakan karya sastera akan membuka ruang kepada pembaca untuk melihat masyarakat kerana penulis mewujudkan kecenderungan yang jelas yang berpaksi kepada akar budaya masyarakat persekitarannya.





Sastera yang terbaik adalah sastera memimpin, ertinya sastera yang dapat membimbing manusia ke jalan kebenaran, Dalam ertikata yang lebih luas, menyeru manusia mengerjakan kebaikan dan melarang dari melakukan kemungkaran (Talib Samat, 1993).

Dari prespektif yang berbeza pula, sesuatu yang digarap dalam sastera ialah sesuatu yang berlaku dan terjadi dalam realiti kehidupan manusia. Rentetan itu, boleh dikatakan bahawa seluruh kejadian dalam sesebuah karya sastera sebenarnya berkisar kepada kejadian yang pernah dan mungkin terjadi dalam kehidupan sehari-harian. Oleh yang sedemikian, tanpa sastera masyarakat tidak dapat mengenali kehidupan dan tanpa masyarakat, sastera pula tidak dapat menemui bentuknya.

Pengalaman hidup dalam persekitaran yang kita saksikan atau alami, watak-watak manusia, binatang dan objek lain yang berada di jagat raya ini ialah fakta. Fakta itu tentunya sudah dipilih secara bijaksana dan tidak boleh ditulis atau dilaporkan begitu saja kerana ia tidak akan lahir sebagai cerpen. Justeru itu, anda harus adun dan baurkan fakta-fakta tersebut dengan imaginasi. Daya imaginasi harus tajam dan berupaya mengolahnya dengan baik, indah dan menarik. Disinilah pula pentingnya anda menguasai bahasa sebagai alat pengucapan pemikiran dan perasaan (Othman Putih, 2001)





Sastera Tamil merupakan aliran sastera yang paling tua di dunia. Karya-karya tamil yang dianggap sebagai sastera yang matang merupakan karya yang berusia lebih dari 2000 tahun (Kartigesu, 2013).

1.2. Latar belakang kajian

Cerpen merupakan genre kesusasteraan yang baru pada abad kesembilan belas dan sangat berkembang berbanding dengan genre kesusasteraan yang lain. Menurut Subramaniam (1980),

...The short story emerged as a new literary genre in the last few decades of nineteenth century from that day it has shown a more surprising and steady development than any other literary form.

1.2.1. Perkembangan Cerpen

Cerita pendek ataupun cerpen adalah fiksyen prosa yang lazimnya dapat dibaca satu persatu dan memfokuskan kepada insiden lengkap atau siri insiden berkaitan, dengan niat untuk membangkitkan suasana hati dengan gabungan beberapa watak sahaja.



Mengikut William Boyd,

"short stories seem to answer something very deep in our nature as if, for the duration of its telling, something special has been created, some essence of our experience extrapolated, some temporary sense has been made of our common, turbulent journey towards the grave and oblivion".

Beliau menyatakan bahawa cerpen merupakan hasil olahan dan intipati pengalaman yang mendalam bagi tempoh yang tertentu.

1.2.2. Perkembangan Cerpen Tamil

Zaman Caṅkam menjadi titik permulaan perkembangan kesusasteraan Tamil. Zaman ini terdiri daripada tiga peringkat iaitu, Talai Caṅkam, Iṭai Caṅkam, dan Kaṭai Caṅkam yang bermaksud zaman pertama, zaman pertengahan dan zaman akhir. Sejarah kesemua zaman ini boleh diperolehi dari Iṟaiyaṇār Kalaviyalūrai yang ditulis oleh Nakkīrar (Nedumaran, 1997).

Walaupun terdapat percanggahan maklumat mengenai sejarah zaman Caṅkam, ramai tokoh Tamil telah membentuk asas yang kuat kepada perkembangan Kesusasteraan Tamil. Segala hasil Kesusasteraan Tamil yang disampaikan kepada masyarakat ditulis dalam bentuk sajak pada zaman tersebut. Namun penggunaan bahasa yang telah digunakan dalam sajak-sajak tersebut amat rumit untuk difahamkan oleh rakyat biasa.

Maṅkaiyarkkaraciyin kātal yang ditulis oleh V.V.S Iyar merupakan koleksi cerpen yang pertama di India (Thandayutham, 2013).

Pada mulanya genre cerpen digunakan untuk tujuan menceritakan sebuah cerita sahaja tetapi lama kelamaan cerpen dianggap sebagai alat yang mencerminkan masalah sosial. Namun pada awalnya cerpen-cerpen yang dikarang dengan watak-watak yang mempunyai status sosial yang tinggi. Lama kelamaan pegangan ini telah diberi kelonggaran dan watak-watak status sosial yang rendah juga telah diwujudkan.

Majalah Maṅikkoṭi merupakan majalah mingguan sastera tamil yang diterbitkan pada tahun 1933 membantu perkembangan dunia cerpen di India pada masa tersebut. Majalah ini melahirkan ramai tokoh sastera. Namun majalah tersebut diperhentikan pada tahun 1938 (Thandayutam, 2013)

1.2.3 Perkembangan Cerpen di Malaysia

Kedatangan buruh-buruh India dari India Selatan keTanah Melayu menjelang abad ke-19 menjadi perintis kepada perkembangan tradisi sastera tamil di Tanah Melayu. Pihak Inggeris yang memerintah Tanah Melayu, menempatkan buruh-buruh India di estet getah yang berlainan tempat. Selepas jajahan orang Inggeris, pendatang-pendatang dari India, terpaksa menjalankan kehidupan sebagai warga Tanah Melayu. Oleh yang demikian, tradisi masyarakat India di Tanah Melayu diwujudkan. Sastera Tamil



Malaysia turut merupakan salah satu unsur tradisi masyarakat India di Tanah Melayu (Kartigesu, 2013)

Bidang cerpen mula mencetus di Malaysia pada tahun 1930an tetapi perkembangan yang agak lembap pada peringkat awal. Namun koleksi cerpen pertama telah diterbitkan di negara Singapura iaitu cerpen Navaraca katāmañcari: Ivai iniya karpitak kataikaḷ.

Koleksi cerpen ini telah diterbitkan oleh V. Sinnaiyah dari SriLanka dengan gabungan lima buah cerita pendek. Koleksi ini diterbitkan pada tahun 1930, maka boleh dikatakan cerpen-cerpen mula dikarang sebelum tahun 1930 (Munian, 2007)

Dalam buku *The Malaysian Tamil Short Stories 1930-1980 A Critical Study*, Balabaskaran menyatakan bahawa perkembangan cerpen di Malaysia telah dibahagikan kepada beberapa tempoh iaitu tempoh permulaan (1930-1941), semasa tempoh Jepun (1942-1945), tempoh penghabisan 'kelas mencerita' (1946-1952), sebelum merdeka (1953-1957), selepas merdeka (1958-1969), dan tempoh Renaissance (1970-1978)

Pada tahun 30an, pendatang dari negara India yang datang ke Malaya untuk menajalani kehidupan mereka mula mengambil langkah pertama untuk menulis cerpen. Cerpen yang dihasilkan pada tempoh masa tertentu kebanyakan plot ceritanya





bertemakan cerita cinta, perkahwinan semula, kemajuan wanita, penderitaan pekerja dan sebagainya. Tetapi cerita-cerita tersebut kurang mempunyai ciri-ciri sebuah cerpen. Plot ceritanya tidak mempunyai acuan tempatan malah masih dikelilingi dengan tradisi negara India (Baskaran, 1995)

Perkembangan cerpen pada zaman Jepun (1942-1945) dalam keadaan yang lembab tetapi masih juga terdapat beberapa cerpen yang dihasilkan pada tempoh masa tersebut. Cerpen yang dihasilkan pada tempoh masa ini, kebanyakan cerpen bertemakan kemerdekaan India, larangan meminum arak, percintaan, kasta, kehidupan masyarakat India, kemiskinan dan sebagainya (Sababathy.V, 2006).



Tahun 1947 merupakan tahun yang paling penting dalam perkembangan kesusasteraan di Malaysia. Penerbitan Suratkhbar ‘Tamiḷ Nēcaṇ’ dan ‘Tamiḷ Muracu’ mendorong sastera tamil di Malaya mula berkembang. Kelas cerita telah dijalankan oleh Vāṇampāṭiyār (S.P Narayanan) dan Kantacāmi vāṭṭiyār (Bairoji Narayanan) telah menjalankan kelas menulis cerita supaya masalah berkaitan dengan menulis cerpen dapat dibincang bersama (Sababathy.V, 2006).

Perkembangan cerpen tamil seterusnya dapat dilihat selepas K. Alagrisamy menjadi editor surat khabar Tamiḷ Nēcaṇ selepas merdeka. Beliau telah menjalankan perjumpaan kesusasteraan sebulan sekali selama 10 bulan. Dalam perjumpaan tersebut beliau telah mengajar ciri-ciri sebuah cerpen. Beliau sendiri mempunyai bakat menulis





cerpen dan berkongsi ilmu beliau dalam perjumpaan tersebut. Dengan hasil usaha beliau cerpen-cerpen bagus telah mula ditulis (Sababathy.V, 2006).

Disamping itu, Pertubuhan Penulis Malaysia, surat khabar Malaysia seperti Tamil Nesan, Tamil Malar, Malai Nadu, Tamil Murasu telah mengadakan pertandingan menulis cerpen untuk mewujudkan minat terhadap penghasilan cerpen.

Pada tahun 50an, Majalah Tamil Muracu telah menjalankan suatu pertandingan menulis cerpen. Penolong editor iaitu V. Thirunavukarasu, mengambil inisiatif untuk menjalankan pertandingan ini. Ramai penulis-penulis baru telah dilahirkan dengan bakat mengarang cerpen selepas pertandingan ini (Kartigesu, 2007)

Bidang cerpen diperkukuhkan dengan menghasilkan cerpen-cerpen politik, pendidikan, ekonomi, agama, kekeluargaan dan sebagainya selepas tahun 1950an. Perkembangan ini, menyebabkan pengarang menghasilkan cerpen dengan mengungkitkan pelbagai masalah yang sering dihadapi oleh masyarakat India pada masa tersebut. Kehidupan masyarakat India yang serba kekurangan merupakan salah satu sebab utama penghasilan karya sastra moden iaitu cerpen. Namun perkembangan kehidupan masyarakat India dalam tempoh masa 10 tahun, menyebabkan cerpen yang merangkumi kehidupan di kawasan ladang mula berkurang. Ini kerana penghijrahan dari kawasan ladang ke kawasan bandar memberi idea yang baru kepada para pengarang.



Pilihanraya negara diikuti dengan rusuhan Mei mencetuskan pelbagai tema yang berlainan yang kuat dengan acuan tempatan. Penulis cerpen Malaysia sedar dengan ciri-ciri cerpen dan menggunakan cerpen sebagai media untuk menyampaikan pergolakan dan ketidak puas hati. Penulis cerpen mula menulis cerpen-cerpen yang bertemakan permit pekerjaan, pengangguran, kewarganegaraan, masalah sosial, sikap mementingkan diri, sikap tamak, sekolah tamil dan masalah politik. (Munian.V, 2007)

1.2.4. Malēciyat Tamil Eḷuttāḷar Caṅkam

Persatuan Penulis-penulis Tamil yang diasaskan pada tahun 1958 mula membantu para penulis bergiat secara aktif dalam menghasilkan karya bermutu. Namun Persatuan ini tidak aktif dan pendaftaran telah dibatalkan.

Pada tahun 1963, Malēciyat Tamil Eḷuttāḷar Caṅkam (Persatuan Penulis Tamil Malaysia) telah didaftarkan semula dengan nama baru Malēciyat Tamil Eḷuttāḷar Caṅkam telah didaftarkan pada 26.03.1963 dan Muthamil Vittagar Muruku Subramaniam dilantik sebagai pengerusi pertama (Kartigesu, 2007).

Persatuan Penulis Tamil Malaysia mula bergiat aktif melakukan reformasi pemikiran serta membantu para penulis Tamil tempatan menghasilkan karya bermutu mengikut acuan tempatan. Persatuan Penulis Tamil Malaysia bersama Perbadanan Guru Kesusasteraan Tamil Malaysia mengadakan pertandingan menulis cerpen kanak-kanak

dan remaja pada tahun 2010. Sepuluh cerpen kanak-kanak dan sepuluh cerpen remaja yang dimenang telah dikeluarkan dalam koleksi *Ciruvār Ilaiyōr Cīrukataikaḷ* pada tahun 2013 oleh *Malēciyat Tamil Eluttāḷar Caṅkam*. Pada tahun 2016 telah mengeluarkan antologi cerpen bertajuk *Nuṭpa veḷikaḷ* (நுட்ப வெளிகள்) iaitu 20 cerpen yang dihasilkan pada tahun 2015 dan mendapat hadiah. Pada tahun 2017 pula, *Malēciyat Tamil Eluttāḷar Caṅkam* mengeluarkan sebuah antologi cerpen bertajuk *Nama Saya Selvi*, dimana terdapat 19 cerpen yang mendapat hadiah dan anugerah *Ilakkiyac cem'mal muṇaivar R.Kartigesu ilakkiya virutu* (இலக்கியச் செம்மல் முனைவர் ரெ.கார்த்திகேசு இலக்கிய விருது/ பரிசுக் கதைகள்)

1.2.5. Tolkāppiyam

Tolkāppiyam merupakan buku tatabahasa bahasa tamil yang paling terawal dalam dunia. Ia ditulis dalam bentuk formula ringkas. Buku ini menjadi bukti perkembangan bahasa Tamil sebagai bahasa. Ia bukan sekadar buku teks tatabahasa tetapi merangkumi klasifikasi habitat, haiwan, tumbuhan dan manusia. Ia juga membincangkan emosi dan interaksi manusia.

Tolkappiyam terbahagi kepada tiga bab: ortografi, atimologi dan isi pelajaran (Porul). Dua bab pertama Tolkappiyam membincangkan kodifikasi bahasa Tamil sedangkan bahagian terakhir berkaitan dengan orang dan tingkah laku mereka. Tatabahasa membantu menyampaikan mesej sastera mengenai topik tingkah laku



manusia. Walaupun tarikh sebenar kewujudan buku Tolkāppiyam tidak diketahui, berdasarkan kepada linguistik dan bukti lain, buku Tolkāppiyam kehasilkan 2700SM.

Buku ini masih menjadi rujukan penting dalam bidang nahu serta konvensi Tamil. Terdapat rujukan mengenai karya-karya yang lebih awal seperti Aindiram dan Agattiyam, tetapi hanya beberapa puisi daripada karya-karya tersebut dapat diperoleh sebagai rujukan dalam karya-karya lain.

1.2.6 Meyppāṭṭiyal

Sesuatu hasil kesusasteraan dikatakan berupaya mempengaruhi minda pembaca melalui pergolakan jiwa watak-watak dan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam persekitaran sosial berlandaskan teori meyppāṭṭiyal. Meyppāṭṭiyal merupakan perasaan dan pandangan psikologi terhadap sesuatu karya. Meyppāṭṭiyal membawa maksud menggambarkan perasaan yang sedia ada. Tolkāppiyar telah mengatakan bahawa meyppāṭṭu merupakan luahkan perasaan dan emosi melalui pergerakan badan secara spontan tanpa berfikir panjang. Ini kerana luahan perasaan yang ditunjukkan melalui pergerakan tubuh badan mempunyai kaitan dengan bahasa badan. Mengikut Tholkappiyam Meyppāṭṭiyal mempunyai 8 rasa.

Nakaiyē yaḷukai yiḷivaraṇ maruṭkai
yaccam perumitam vekūḷi yuvakaiyēṇa
rappā leṭṭē meyppā ṭēṇpa.





(நகையே யழுமை யிளிவரன் மருட்கை
யச்சம் பெருமிதம் வெகுளி யுவகையென்
றப்பா லெட்டே மெய்ப்பா டென்ப)

(Thol.1196)

Envakai meyppātu digunakan oleh pengkaji sebagai ukuran perasaan supaya dapat mengkaji lebih lanjut dalam antologi cerpen Nama saya Selvi.

Meyppāṭṭiyal merupakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan reaksi alamiah yang timbul pada seseorang sebagai dampak terjadinya perubahan tertentu di sekitarnya. Rasa meyppāṭṭiyal pada manusia dapat berupa emosi positif (emosi yang baik) dan emosi negatif (emosi yang buruk). Contohnya jika wujudnya emosi gembira dalam diri individu, maka kebahagiaan akan terancar di wajahnya. Begitu juga sebaliknya, jika peristiwa duka yang menimpa, emosi sedih akan dilontarkan kepada masyarakat umum. Meyppāṭṭiyal yang dialami apabila faktor kesensitifan yang berlaku pada diri yang akan menyebabkan perubahan pada raut wajah muka dan tingkah laku.

1.3 Pernyataan Masalah

Kesan dan tindak balas meyppāṭṭiyal dapat dilihat dari pergerakan badan individu seseorang mengikut situasi yang berlaku. Meyppāṭṭiyal individu mempunyai hubungan rapat dengan persekitaran sosial. Misalnya, simpton perlakuan tidak sedar dalam diri





dan rasa rendah diri mangsa yang didera telah dikaitkan kepada sikap agresif dan kesukaran dalam persekitaran. Bagi watak yang mempunyai pengalaman penderaan emosi akan menerbitkan perasaan rendah diri dan mempunyai kemampuan bersosial yang rendah. Jelasnya, permasalahan kajian adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis meyppāṭṭiyal yang dialami oleh watak-watak yang dihasilkan oleh para penulis dengan hasil daripada tekanan yang dialami.

Selain itu, sepertimana dikatakan tolkappiyam merupakan buku tatabahasa tamil yang paling terawal dalam dunia dan buku ini masih menjadi salah satu rujukan yang penting dalam bidang nahu serta konvensi Tamil. Maka dalam kajian ini, pengkaji akan mengalisis dan mengemukan punca-punca emosi yang tercetus dalam diri watak yang dipaparkan dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi. Dengan ini pengkaji akan mencungkilkan pengaruh teks tolkappiyam yang terawal dalam dunia ini dengan mengenal pasti keberkesanan penulis-penulis cerpen mencerminkan perasaan, latar dan permasalahan hidup masyarakat di sekeliling kita melalui enṇvakai meyppāṭṭiyal terhadap antologi cerpen zaman sekarang.

Pemilihan tajuk kajian ini adalah bersesuaian dengan pelbagai masalah yang wujud akibat cabaran, halangan dan rintangan yang dihadapi oleh manusia serta hubungan kekeluargaan dan sosial yang mencetuskan tekanan dalam diri kita. Dalam antologi cerpen Nama saya Selvi, masalah-masalah yang sering dihadapi oleh



masyarakat India dititiberatkan. Pendedahkan dan juga penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh masyarakat disampaikan melalui plot cerpen. Dengan ini, pengakaji ingin mengetahui kaitan diantara *eṇvakai meyppāṭu* dengan penyampaian mesej melalui watak-watak dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi

1.4 Objektif Kajian

Tiga objektif telah ditentukan agar kajian ini lebih berfokus. Antara objektifnya ialah:

1. Mengenal pasti dan meneliti situasi -situasi yang menggunakan teori rasa

eṇvakai meyppāṭu dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi

2. Menghuraikan impak teori rasa *eṇvakai meyppāṭu* terhadap penyampaian mesej dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi.

3. Menghuraikan unsur-unsur pengajaran yang disampaikan dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi melalui cetusan *eṇvakai meyppāṭu*.

1.5. Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian dicetuskan bagi mencapai objektif kajian.

Antara persoalan yang tercetus ialah:

1. Apakah teori rasa *ḥṣṣakai meyppāṭu* yang terdapat dalam antologi cerpen

Nama Saya Selvi?

2. Apakah situasi-situasi yang menggunakan teori rasa *ḥṣṣakai meyppāṭu*

dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi?

3. Sejauh manakah impak teori rasa *ḥṣṣakai meyppāṭu* membantu dalam

penyampaian mesej dalam antologi cerpen Nama Saya Selvi?

4. Apakah unsur-unsur pengajaran yang disampaikan melalui antologi cerpen

Nama Saya Selvi melalui cetusan *ḥṣṣakai meyppāṭu*?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang cuba untuk membuktikan satu teori estetik yang dikaitkan dengan teori rasa *ḥṣṣakai meyppāṭu* yang diaplikasikan dalam antologi cerpen pilihan. Kajian ini bukan sahaja dikaji daripada subjek iaitu pengalaman, malah unsur yang menjadi asas kepada kajian ini adalah emosi. Emosi merupakan satu unsur yang dimiliki oleh manusia dalam pelbagai situasi. Dalam teori rasa *ḥṣṣakai meyppāṭu*, manusia dipercayai mempunyai 32 emosi yang bakal ditunjukkan dalam pelbagai situasi.

Namun mengikut Robert Plutchick,

proposed a psychoevolutionary classification approach for general emotional responses. He considered there to be eight primary emotions—anger, fear,



sadness, disgust, surprise, anticipation, trust, and joy. Plutchik argues for the primacy of these emotions by showing each to be the trigger of behaviour with high survival value, such as the way fear inspires the fight-or-flight response. Plutchik's psychoevolutionary theory of basic emotions has ten postulates.

Robert Plutchick membuat kajian berdasarkan kepada perlakuan manusia dan beliau menemui lapan emosi asal yang kerap diluahkan oleh manusia.

Disamping itu, mengikut A. Samad Said pula

bahawa emosi tetap dirakam oleh pengarang ke dalam karnyanya, maka Sembilan emosi teapi menjadi ekspresi sastera dan dikenala sebagai rasa berahi, rasa lucu, rasa duka, rasa berang, rasa wira, rasa dahsyat, rasa benci, rasa kagum dan rasa tenang.



A. Samad Said, dalam bukunya *Rasa Fenomenologi*, beliau menyatakan bahawa terdapat 9 jenis rasa. Manakala teori rasa *ḥṣṣakāi meyyppāṭu* oleh Tolkāppiyar walaupun pada asalnya mempunyai 8 emosi asal yang utama, namun terdapat pecahan sebanyak empat emosi bagi setiap emosi asal dan menerapkan sebanyak 32 emosi dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Maka *ḥṣṣakāi meyyppāṭu* harus dilihat dalam konteks yang lebih luas.

Walaupun ramai ahli falsafah memberi pandangan sendiri mengenai bilangan rasa ataupun emosi, namun teori rasa *ḥṣṣakāi meyyppāṭu* oleh Tolkāppiyar menjadi teori pilihan oleh pengkaji kerana kepelbagaian pecahan rasa yang dinyatakan oleh Tolkāppiyar menjadi satu inspirasi untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penggunaan rasa dalam cerpen pilihan pengkaji. Disamping itu *tolkappiyam* adalah





buku yang lama tetapi pengkaji dapat menggunakan teori tersebut dalam kajian ini untuk mengenalpasti penggunaan teori *enʿvakai meyppāṭṭiyal* dalam karya moden.

Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan untuk menghayati perasaan dan perlakuan watak-watak yang terpapar dalam antologi cerpen. Sebenarnya, pengetahuan tentang *enʿvakai meyppāṭṭu* adalah penting untuk memahami isu dan masalah hidup yang dipaparkan melalui perasaan, watak, peristiwa serta pergolakan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Pemahaman jelas ini, membolehkan para pembaca menghayati kelapan-lapan jenis *meyppāṭṭu* yang asal dalam mendekati isu, masalah, pergolakan jiwa dan konflik yang menimpa diri sendiri dalam hubungan sesama manusia.

Pada masa yang sama, pengkaji dapat menganalisis punca-punca yang mencetuskan *enʿvakai meyppāṭṭu* dalam diri watak yang dipaparka oleh antologi cerpen ini. Pengetahuan ini amat diperlukan khususnya para pembaca untuk memahami manusia di sekitarnya dan membolehkan penerapan teori *enʿvakai meyppāṭṭu* dalam hubungan sesama manusia serta membantu ke arah melahirkan masyarakat yang harmonis mengikut situasi-situasi yang dihadapi oleh sesuatu watak yang dikarang oleh pengarang. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mencungkil masalah-masalah yang dihadapi oleh watak dimana ia akan membantu untuk mencari jalan penyelesaian yang positif bagi masalah-masalah yang dihadapi masa kini.



1.7 Batasan Kajian

Kajian ini berdasarkan kepada antologi cerpen bertajuk Nama saya Selvi dimana terdapat 19 cerpen yang diberi anugerah *Ilakkiyac Cem'mal Cunaivar R. Kartigesu Ilakkiya Virutu* 2016 yang diterbitkan oleh *Malaysia Tamil Elutthalar Sangam*. Koleksi buku ini merupakan 19 buah cerpen yang dipilih dan mendapat anugerah dan hadiah. Pengkaji memilih 19 buah cerpen yang terkandung dalam antologi ini. Cerpen-cerpen tersebut ialah,

Jadual 1.1

Senarai Tajuk Koleksi Cerpen.

Bil	Cerpen	Penulis
1	Taṅkak kūṇṭil tāmarai malar	Paavai
2	.Nērruvarai eṇ vīṭu	M. Manivannan
3	Nama saya Chelvi	G.S. Devakumar
4	Anta maṇitar	Devarani Krishnan
5	Marittatu maṇita nēyamā illa	S. Subatra Devi
6	Varuvāraṇ varuvār	Kusulakumari
7	Pukai	Athileetchumy
8	Vāṇattil ēra paṭikaḷā illai...?	M. Varatharasu
9	Vekkamā irukkum'mā	L. S. Manoharan

(Bersambung)

Jadual 1.1 (*Sambungan*)

Bil	Cerpen	Penulis
10	Appāvukkuk kalyāṇam	S. Thulasi
11	Nalla maṇam vālka	K.I. Narayanan
12	Vālum kālatti	Murugaiya Muthuveeran
13	Taricaṇam	K. Punniavan
14	. Uṇmītu ṇāpakam	U. Krishnan
15	. Makiḷcci	A. Nadarajan
16	Kettuvā kampōṇ muṇucāmi	M. Karunakaran
17	Maṇupakkam	Nilaavannan
18	Vetṭi vēlā	E. Devarajan
19	. L. Vaḷarmati	Vaanijeyam

Pengkaji membataskan kajian dalam lingkungan 19 buah cerpen yang terdapat dalam antologi cerpen Nama saya Selvi dimana ia merupakan antara cerpen yang dihasilkan pada tahun 2016 yang dimenangi hadiah dan anugerah dan diterbitkan pada tahun 2017.



1.8 Sumber Kajian

1.8.1 Sumber Primer

Sumber primer merupakan sumber data yang diperolehi secara langsung dari sumber asli iaitu tidak melalui sebarang media perantara. Dalam kajian ini sumber primer yang dirujuk untuk memeperoleh data primer ialah 19 buah cerpen dalam antologi Nama Saya Selvi

1.8.2 Sumber Sekunder

Kajian ini akan merujuk sumber sekunder seperti kajian ilmiah peringkat kedoktoran dan sarjana, ulasan artikel-artikel jurnal, buku-buku sastera yang berhubungkait dengan tajuk kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsepnya bagi memudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut. Pemberian definisi ini berdasarkan tajuk kajian iaitu, Analisis luahan rasa enṣvakai meyyppāṭu dalam antologi cerpen Nama saya Selvi.

1.9.1 Cerpen

Cerpen terhurai sebagai cereka pendek. Apa yang dimaksudkan pendek itu ialah plot atau jalinan peristiwa yang mudah dibaca berbanding dengan novel. Cerpen juga ialah

suatu wawancara yang memiliki ciri-ciri tersendiri. Idea dan pengalaman tanpa proses mekanisme kesusasteraan hanya akan menjelma sebagai peristiwa atau sejarah yang kaku. (Manasikana, 1998)

1.9.2 Teori Rasa Meyppāṭṭiyal

Meyppāṭṭiyal merupakan teori yang dinyatakan oleh Tolkāppiyar dalam bukunya Tolkāppiyam. Teori Meyppāṭṭiyal membawa maksud perasaan yang dikeluarkan oleh penulis melalui hasil karyanya. (Tamil ilakkiyamum tirāṇāyvuk kōṭpāṭukaḷum, 2014). Dalam proses penghasilan cerpen, seseorang penulis menekankan pelbagai perasaan melalui watak-watak dengan menggabungkan perasaan sebenar yang dialami oleh masyarakat.

Meyppāṭṭiyal iaitu rasa yang dinyatakan oleh Tolkāppiyar mempunyai lapan variasi. Pengarang menggunakan setiap variasi Meyppāṭu ini dalam hasil karya supaya dapat menunjukkan perasaan watak melalui pergerakan badan dan penyampaian dialog. Misalnya, pergolakan jiwa seseorang individu dapat dikesan dengan mengamati perasaan yang dilahirkan serta perubahan pada tubuh badan seperti badan yang berpeluh, menggigil dan sebagainya.

Secara ringkasnya, lapan variasi rasa iaitu eṇvakai meypṭāṭu yang disenarangkan oleh Tolkāppiyar dalam Tolkāppiyam adalah terdiri daripada:



- i. Nakai - tawa
- ii. Alugai - tangisan
- iii. Illivaral - hina
- iv. Marutkai - kagum
- v. Accam - takut
- vi. Perumitham - bangga
- vii. Vekuli - marah
- viii. Uvakai - gembira

Setiap unsur meyppāṭu ini dibahagikan kepada empat jenis punca masing-masing.



Jadual 1.2

Senarai Unsur dan Situasi(punca) Meyppāṭṭiyal.

Bil	Unsur-unsur Meyppāṭṭiyal		Situasi (punca)		
1.	Nakai (நகை)	El̥al (எள்ளல்)	I̥amai (இளமை)	Pētai (பேதமை)	Maṭan (மடன்)
	Tawa	Ejek	Ketidakmatangan	Perbuatan yang tidak disedari	Kebodohan diri sendiri
2.	Alukai (அழுகை)	I̥ivu (இளிவு)	I̥avu (இழவு)	Acaivu (அசைவு)	Varumai (வறுமை)
	Tangisan	Kehinaan	Kehilangan kawan/saudara	Ketidakupayaan diri	Kemiskinan

(Bersambung)



Jadual 1.2 (*Sambungan*)

3.	Iḷivaral (இளிவரல்)	Müppu (மூப்பு)	Piṇi (பிணி)	Varuttam (வருத்தம்)	Meṇmai (மென்மை)
	Hina/rendah diri	Ketuaan/ keuzuran	Berpenyakit	Kesedihan	Kelemahan diri
4.	Marudkai (மருட்கை)	Putumai (புதுமை)	Perumai (பெருமை)	Cirumai (சிறுமை)	Ākkam (ஆக்கம்)
	Hairan	Keunikan/ Pembaharuan	Kebesaran	Kekecilan	Perbuatan
5.	Accam (அச்சம்)	Aṇaṅku (அணங்கு)	Vilaṅku (விலங்கு)	Kaḷvar (கள்வர்)	Irai (இறை)
	Takut	Percayaan karut seperti hantu	Binatang	Pencuri	Orang atasan
6.	Perumitham (பெருமிதம்)	Kalvi (கல்வி)	Taruṅaṇ (தறுகண்)	Icaimai (இசைமை)	Koṭai (கொடை)
	Bangga	Ilmu	Kekuataan	Kemegahan	Sumbangan
7.	Vekuli (வெகுளி)	Urupparai (உறுப்பறை)	Kuṭikōḷ (குடிகோள்)	Alai (அலை)	Kolai (கொலை)
	Marah	Penderahan	Kehilangan anggota masyarakat	Memukul dan memarahi	Pembunuhan
8.	Uvakai (உவகை)	Celvam (செல்வம்)	Pulaṇ (புலன்)	Puṇarvu (புணர்வு)	vilaiyāṭṭu (விளையாட்டு)
	- gembira	Harta	Ilmu	Cinta	Permainan





1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan pengenalan kepada kajian. Melalui bab ini, pengkaji telah dapat penjelasan tentang perkara yang perlu diberi tumpuan supaya kajian ini tidak terpesong dari objektifnya. Demi memperoleh maklumat lanjut mengenai tajuk kajian, pengkaji perlu meneliti buku-buku, kajian-kajian awal serta artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam bahagian seterusnya pengkaji akan memperincikan sorotan kajian.

